

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 35 RABU 2 SEPTEMBER 1970

1390 رابو 1 رجب PERCHUMA

KARYA2 PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN MENJADI THEMA UTAMA PAMERAN BUKU2

BANDAR BRUNEI. — Karya2 penulisan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin akan di-jadikan thema utama dalam pameran penerbitan2 tempatan dan luar negeri sa-bagai salah satu achara perayaan bagi mengalu2kan istiadat penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan.

Ini telah di-putuskan dalam mashuarat pertama jawatankuasa pameran penerbitan2 bagi Istiadat Penukaran Nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan yang di-pengerusikan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-raja, Dato Utama Dr. Haji Awang Md. Jamil dan berlangsung di-Bilik Mashuarat Dewan Bahasa dan Pustaka baru2 ini.

Mashuarat itu memutuskan bahawa hasil karya penulisan Duli Yang Teramat Mulia itu yang terkenal sa-bagai penchipita beberapa buah buku sha'er yang bermutu tinggi akan di-jadikan thema utama pameran itu, di-samping penerbitan2 yang lain yang berkaitan dengan kegiatan2 Duli Yang Teramat Mulia itu sama ada semasa menjadi Sultan hinggalah ka-hari ini.

Di-samping itu, pameran tersebut akan memberikan pengutamaan yang kedua kepada penerbitan2 dari karya2 penulisan orang2 Brunei sama ada yang di-lahirkan sejak beberapa kurun dahulu sa-hinggalah penerbitan2 yang lahir dalam tahun 70-han ini.

Sa-lain dari itu, penerbit2 luar negeri ia-itu Malaysia dan Singapura akan juga di-beri peluang untuk menyertai pameran itu, tetapi penerbit2 mereka yang akan turut dipamerkan itu hendaklah yang di-hasilkan dari tahun 1950 hingga tahun 1970.

Penerbit2 luar negeri itu akan di-beri peluang untuk menjual penerbitan2 mereka itu dan diantara penerbit2 yang akan di-hubongi mengenai dengan pameran ini ia-lah Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur di-samping beberapa buah

penerbit yang termashor di-Singapura dan Malaysia.

Pameran tersebut akan di-mulakan dari 29 September hingga 12 Oktober, 1970 bertempat di-Bilik Perpustakaan Kanak2 Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahli2 yang lain dalam jawatankuasa pameran penerbitan itu ia-lah Awang Abdul Hamid bin Bakal, sa-bagai Timbalan Pengerusi; Awang Ahmad bin Kadi, sa-bagai Setiausaha dan penulung - nya Awang Ahmad Sohaimi bin Abdul Jalil; Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad, Awang Ahmad bin Haji Jumat, Dayang Thelma Salazar, dan Awang Ahmad bin Arshad.

Orang ramai yang menyimpan penerbitan2 lama karangan orang2 Brunei dan ingin menyertai pameran itu hendaklah berhubung dengan nama2 mereka yang tersebut di-atas.

Lima penuntut lanjutkan pelajaran

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai lima orang penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei akan berlepas ka-United Kingdom esok untuk mengikuti kursus sa-bagai setia usaha di-Maktab Saint James.

Mereka ia-lah Dayangku Mariam binte Pengiran Ahmad, Dayang Fatimah binte Haji Hassan, Sukarni binte Abdul Kadir, Dayang Siti Zahrah binte Mohammad Hussain

MENTERI Besar Brunei,

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah pulang ka-tanah ayer pada hari Isnin lalu sa-telah mengadakan lawatan ka-negeri Jepun.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara yang di-sertai oleh Dafin Salmah telah mengadakan lawatan rasmi ka-negeri Jepun dan Expo 70 selama tiga minggu.

Ketibaan Yang Amat Mulia itu di-lapangan terbang telah di-sambut oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A.R. Adair dan Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Gambar atas di-ambil di-lapangan terbang Berakas sewaktu ketibaan rombongan itu.



Majlis cheramah di-Pusat Belia

BANDAR BRUNEI. — Satu Majlis Cheramah mengenai tinjauan belia2 Brunei ka-perhimpunan Belia2 Sa-Dunia di-Osaka, Negeri Jepun akan diadakan di-Pusat Belia Bandar Brunei pada 12 September mulai jam 8.00 malam.

Majlis tersebut di-anjarkan oleh Persatuan Ikatan Kampung Lurong Sikuna, IKLAS, dan bertujuan untuk menyingkatkan kembali oleh2 perwakilan kita dari perhimpunan belia itu.

Setia Usaha Agong Persatuan IKLAS, Awang Ali Kayum menyatakan tujuan majlis itu di-adakan ia-lah untuk memberi sedikit dorongan kepada belia2 tanah ayer betapa penting-nya kegiatan mental itu harus di-gerakan bersama selain daripada gerakan2 lain.

Sa-ramai empat dari 10 orang perwakilan Belia Brunei ka-perhimpunan Belia2 Sa-Dunia di-Expo 70 di-Osaka akan memberi cheramah mereka mengenai pergerakan2 belia di-perhimpunan itu dan gambaran2 yang perlu di-chontohi oleh belia2 di-Brunei.

Pencheramah2 itu ia-lah Awang Yakub bin Ahmad, Awang Abdul Latif bin Haji Ibrahim, Awang Lim Jock Seng dan Awang Ahmad bin Haji Juma'at.

Awang Haji Tarif bin Pehin Perdana Wangsa Haji Mohammad, salah sa-orang perwakilan Brunei ka-perhimpunan Belia Sa-Dunia di-New York dalam bulan Jun lepas juga akan memberi cheramah di-majlis tersebut.

dan Dayang Norhana binte OKS Haji Abdul Rahim.

Mereka akan mengikuti kursus tersebut selama dua tahun.

Pada hari Juma'at, 4 September sa-orang penuntut dari Maktab Anthony Abell, Setia, Awang Lee Chuen Heng juga akan berlepas ka-United Kingdom untuk menyambong pelajaran di-sana.

Penuntut2 tersebut di-hadiahkan biasiswa kerajaan Brunei.

UNTOK mendekati tajok cheramah ini ada baik-nya-kita terlebih dahulu memberi pengertian ala kadar kepada perkataan2 dalam tajok tersebut agar cheramah ini dapat di-berikan dan dapat di-ikuti lebeh teratur dan sempurna.

Peranan: Menurut Kamus Umum Bahasa Indonesia, peranan ia-lah suatu yang jadi bagian atau yang memegang pimpinan yang terutama (dalam terjadi-nya sa-suatu hal atau peristiwa) mithal-nya, tenaga2 ahli dan buroh pun memegang peranan penting juga dalam pembangunan negara.

Belia: Menurut Kamus Umum Bahasa Indonesia, belia menurut kesuasasteraan lama ia-lah muda, muda belia, sangat muda, muda remaja. Sa-benar-nya dalam kehidupan kita sekarang ini, masih belum saya terjumpa pengertian yang tepat-mengenai belia, walau bagaimana pun yang biasa di-erti-kan dengan perkataan belia termasuk-lah orang yang berumur tiga puluh lima tahun ka-bawah, tentu-nya terkeluar daripada pengertian itu kanak2 yang berumur kata-lah dua belas tahun kabawah. Bagi maksud cheramah ini biar-lah kita ambil perkataan belia itu sebagai orang yang berumur antara lima belas dengan tiga puluh lima tahun.

Masharakat: Ia-lah perkumpulan manusia yang hidup bersama dalam satu bentuk kehidupan yang tertentu. Tegas-nya masharakat itu ia-lah perhimpunan atau perkumpulan individu2 — (orang2 perorangan) yang hidup bersama di-sasebuah tempat dalam mana mereka menjalani penghidupan, bekerja dan berfikir menurut suatu chara peraturan, tata tertib, adat istiadat kemasharakatan yang tertentu.

PENGERTIAN

Oleh itu jika perkumpulan manusia yang semata2 — hidup bersama dalam sesebuah tempat dengan tidak terikat kepada sa-suatu chorak peraturan2 kemasharakatan yang tertentu, maka perkumpulan itu belum lagi menchukupi syarat untuk di-panggil masharakat.

Dari pengertian di atas dapatlah di-anggap bahawa cheramah ini sa-patut-nya membicarakan peranan atau tugas atau tugas2 di-sandang oleh belia yang mana tugas atau tugas2 itu dipegang pimpinan utama-nya oleh mereka dalam masharakat ia-itu perkumpulan manusia yang hidup bersama dalam satu bentuk kehidupan yang tertentu.

Berdasarkan ini, bagi saya tajok ini sangat-lah berat, dan ingat-lah luas. Sunggoh pun demikian, maka bagi menyampaikan hajat penganjur kursus ini yang telah memberikan keperchayaan kepada saya untuk bercheramah dalam tajok ini, yang mana keperchayaan tersebut bagi saya tidak ternilai harga-nya, saya akan berchepak dalam beberapa perkara saja mengenai-nya yang saya anggap sangat penting, termasuklah pengenalan kepada masharakat kota dan masharakat desa, tata masharakat hubungan2-nya dengan belia dan pergerakan2 belia, dalam memperkatakan hubungan itu akan saya sentoh peranan belia dan pergerakan-nya, dalam negeri ini dengan mengambil sedikit sabanyak chontoh2 sa-bagai perbandingan atau sa-bagai mithalan.

Sesuai dengan kursus ini biarlah saya mulakan — perchakapan saya ini mengenai dengan penyakit buta huruf yang sedang di-alami oleh masharakat kita.

Sa-chara umum bahawa penduduk kota lebeh luas menikmati kesempatan2 pelajaran dan pendididkan kerana seluruh peringkat per-

PERANAN BELIA DALAM MASHARAKAT

Oleh:-

**Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama
Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin.**

sekolahan dan aneka pelajaran terdapat di-kota2. Dalam pada itu kita harus memerhatikan perkembangan pelajaran di-negeri ini dan kesempatan2 yang ada bagi penduduk negeri ini serta sikap masharakat kita dahulu terhadap sekolah dan menyekolahkan anak2 khas-nya-anak2 perempuan.

Berdasarkan di atas, bahawa buta huruf itu lebeh banyak berlaku di-desa2 atau di-pendalaman maka peranan belia yang berilmu pengetahuan, seperti tuan2 yang khusus di-kumpulkan dalam Dewan ini ia-lah untuk bersama2 memberikan sumbangan yang berkesan untuk mengubati penyakit tersebut.

BERBEDZA

Saya katakan tadi sumbangan yang berkesan, ini — kerana saya ingin menarik perhatian bahawa penduduk desa berbedza dengan penduduk kota, mereka berpegang kuat kepada adat resam mereka, mereka mempunyai adat resam yang tertentu dan mereka mematuhi-nya, oleh itu belia2 yang — ingin memainkan peranan mereka dan supaya peranan mereka itu berkesan, ada-lah sangat mustahak bagi mereka mengetahui akan adat resam tersebut dan memberikan perhatian — yang sewajar-nya.

Kalau tuan2 mahu mengajar di-desa yang sademikian itu dan tuan2 bawa chara2 di-kota, seperti chara atau adat di-bandar ini saya fikir peranan tuan2 akan kurang berkesan, apalagi kalau tuan2 menchemohkan adat resam mereka, adat resam yang mereka patohi, besar kemungkinan — tuan2 akan menjadi musuh mereka.

Satu masa'alah lagi ia-lah penduduk desa biasa-nya tebal rasa keugamaan-nya perkara ini harus di-perhatikan dengan baik2 dan pembawaan belia2 yang menjalankan peranan-nya hendaklah patut menyesuaikan diri dengan keadaan masharakat itu.

Perkara yang paling penting ia-lah masa'alah peribadi, sa-saorang belia yang mengajar murid2 untuk membenters buta huruf khas-nya dalam masharakat desa, ia bukan saja bertugas sa-bagai sa-orang pengajar, bahkan ia juga sa-bagai pendidik, ia sapatut-nya menunjuk chontoh yang baik, chontoh itu bukan saja dalam bentuk kata2 atau arahan, bahkan meliputi chara ia bertindak, berbahasa, berhubung dengan orang ramai, berpakaian, menghormati adat resam beramal ibadat, dan sabagai-nya.

PERANAN

Tadi telah di-terangkan mengenai dengan perbedzaan masharakat kota dan masharakat desa dalam beberapa segi, maka satici perbuat-an2 yang sumbang pada pandangan — sesuatu masharakat yang kita memainkan peranan di-dalam-nya, ada-lah memberi kesan kepada hasil usaha kita, dan — paling di-takuti jika sakira-nya keperchayaan masharakat itu kurang atau hilang hapus kepada belia yang memainkan peranan itu tentu-lah kegagalan yang akan jadi nati-jah-nya.

Tata Masharakat: Satici masharakat mempunyai adat2 atau chara2 dan peraturan hidup-nya sabagaimana yang di-katakan di awal — cheramah tadi bahawa masharakat itu ia-lah perkumpulan manusia yang hidup bersama, dalam satu bentuk kehidupan yang hidup bersama, dalam satu bentuk kehidupan yang tertentu, atau satici masharakat itu mempunyai tata2-nya.

Yang di-maksudkan dengan perkataan tata masharakat ini ia-lah himpunan dari adat2, chara atau peraturan2-hidup yang 'Am yang di-ikuti dalam sa-buah masharakat untuk memenuhi kehendak hidup sama ada yang berhubung dengan sesuatu masharakat, ia-itu seperti kehendak jasmani atau pun yang berhubung dengan kehendak rohani.

Kehendak2 manusia yang asasi itu menimbulkan empat tata masharakat yang utama seperti berikut:

- (1) Tata Keluarga.
- (2) Tata Ekonomi.
- (3) Tata Politik.
- (4) Tata Ugama.

Tata Keluarga: Manusia dengan kehendak2-nya kepada perkahwinan pengakalan keturunan-nya, maka timbul-lah tata keluarga dalam sesuatu masharakat, ia-itu seperti peraturan2 am atau chara yang berhubung dengan perkahwinan dan ke-keluargaan.

TATA KELUARGA

Tata keluarga mengandungi tujuan2 yang tertentu seperti menumbuhkan rasa cinta dan kasih, setia dan hormat antara orang tua dengan anak dan antara suami isteri menyusun penyaluran kasih sayang antara lelaki dan perempuan, melahirkan symbol2 seperti chinchin pertunangan, — dian2 serta bunga telur dsb.

Dalam hal ini tata keluarga yang terdapat dalam masharakat kita tentu-lah di-antara-nya yang telah di-waritih sejak zaman berzaman dan ada pula di-antara-nya perkara2 baru bagi menyesuaikan dengan zaman.

Apakah peranan belia kita dalam masharakat terhadap-tata keluarga yang ada sekarang ini.

Saya berfikir ada di-antara belia yang memikirkan bahawa sa-bahagian daripada tata keluarga itu masih boleh di-terima dan di-gunakan sekarang ini, dalam pada itu di-dapati beberapa perkara dalam tata keluarga itu sudah lapok dan patut di-hapuskan.

Menyentuh hal ini belia2 patutlah bijaksana dalam memainkan peranan-nya jangan terlalu lekas hendak menudoh sesuatu tata itu lapok dan patut di-buang ka-laut, bahkan kita perlu terlebih dahulu menyelidiki akan tujuan tata tersebut dan menimbangkan buroh baik-nya sesuai dengan masharakat kita, dan jika mustahak pun tata itu — di-hapuskan, pada fikiran saya belia2 patut-lah memikirkan sesuatu yang lebeh baik sabagai ganti-nya, sama ada-untuk mengisi sesuatu kekosongan atau pun untuk mem-

nohi kehendak masharakat di-zaman ini.

Sa-belum saya beralah kepada tata yang lain saya ingin menyentoh perkara ini dari sudut Ugama, Ugama kita mempunyai peraturan2 yang tertentu dalam memenuhi kehendak2 perkahwinan dan juga kekeluargaan.

Oleh yang demikian belia2 yang ingin memainkan — peranan-nya dalam masharakat terhadap tata keluarga ini ada-lah sangat mustahak mereka itu mengetahui akan peraturan2 yang berkenaan dari segi kekeluargaan, supaya tata keluarga dapat di-atut menurut kehendak2 Ugama kita — atau pun di-resepi oleh semangat keugamaan.

Tata Ekonomi: Manusia dalam usaha-nya untuk memenuhi kehendak2 jasmani-nya kepada makanan, kediaman dan pakaian maka timbul-lah tata ekonomi ia-itu peraturan2 am atau adat2 yang berhubung dengan persoalan makanan dan pakaian serta perumahan dalam masharakat.

TATA EKONOMI

Oleh kerana kita dapat sama2 merasakan kemunduran masharakat kita dalam bidang ekonomi dan juga oleh kerana saya tidak mempunyai data2 mengenai dengan kedudukan ekonomi masharakat kita (Melayu) di-Brunei ini, maka ada baik-nya saya mengambil chontoh keadaan di-Malaya.

Ungku Aziz salah sa-orang pakar ekonomi dalam buku-nya (di-keluarkan dalam tahun 1959) Renchana2 Ekonomi dan Kemiskinan, antara lain menyatakan hari ini dalam bulan Februari, 1957) dipersekutukan Tanah Melayu ada tiga juta lebeh orang Melayu, sayangnya kita tidak dapat mengetahui satu persatu bilangan mereka yang bekerja di-dalam berbagai2 jenis pekerjaan pada masa ini, tetapi untuk maksud renchana ini memadai-lah jikalau kita gunakan yang di-dapati dari tahun 1947.

Beliau menumpukan perhatian kepada penduduk2 Melayu yang bekerja sahaja yang mana 76% daripada mereka itu mata pencharian-nya bertani atau menangkap ikan, ini bermata tiga dari tiap2 empat orang Melayu yang bekerja, — ya'ani tiga perempat ada-lah bergantung kepada pertanian-atau menangkap ikan sabagai mata pencharian-nya.

EKONOMI MELAYU

Dengan demikian jelas benar betapa penting-nya — pertanian dalam ekonomi Melayu, perlu ditanya berapakah pendapatan mereka sa-hari atau sa-bulan.

Dalam bidang pertanian padi, pendapatan kaum tani-lah yang paling kecil, sa-paroh bilangan petani Melayu — ia-lah penanam padi dengan pendapatan lebeh kurang \$50/- sa-bulan, kebanyakkan daripada yang sa-lebeh-nya tidak berpendapatan lebeh daripada \$100/- sa-bulan.

Sabahagian kecil daripada orang2 Melayu yang bekerja dilapangan lain seperti guru, atau lain2 kaki tangan Kerajaan, sadagar2 dan tuan2 punya tanah berpendapatan \$200/- hingga \$1,000/- sa-bulan, dan bilangan golongan tersebut boleh di-katakan kurang daripada 10% daripada penduduk2 Melayu yang bekerja.

Ungku Aziz menegaskan bahawa masa'alah ekonomi — Orang2 Melayu yang besar sekali ia-lah kemiskinan. Mereka perlu memperoleh pendapatan yang lebeh besar untuk memajukan perusaha-

(Lihat Muka 3)

KHUTBAH JUMA'AT

PENGAROH LIDAH ADA-LAH SANGAT BESAR DAN PENTING

WAKIL2 BRUNEI DUA

BANDAR BRUNEI. — Bahagian Brunei Dua telah memilih tiga orang lelaki dan empat orang perempuan untuk mewakili bahagian itu di-pertandingan membaca Quran Daerah Brunei-Muara yang akan di-adakan di-Masjid Sufri Bolkiah di-Kampung Perpindahan Berakas pada 10 September.

Mereka itu ialah Awang Jumaat bin Haji Nayan, Awang Ghafar bin Ghani, Awang Hussain bin Ibrahim, Malai Hasnah binte Malai Yahya, Dayang Norhayati binte Hamdi, Dayang Siti Banun binte Asmad dan Dayang Raisah Binte Jumaat.

Enam orang dari peserta2 itu telah di-pilih dari dua puluh tiga orang peserta di-pertandingan membaca Quran Bahagian Brunei Dua di-Sekolah Melayu Sengkunong baru2 ini sementara Dayang Raisah, pemenang pertandingan membaca Quran tahun lepas telah di-berikan tempat khas untuk memasuki pertandingan akhir peringkat daerah.

Peranan belia dalam masharakat

(Dari Muka 2)

an2 mereka bertani dan menangkap ikan. Mereka perlu memperolehi pendapatan yang lebih besar untuk membeli dan memakan barang2 yang baik supaya dapat mereka bekerja lebih kuat dan tahan melawan penyakit. Mereka perlu menerima pendapatan yang lebih besar untuk menyekolahkan anak2 mereka dengan lebih sempurna dan juga supaya dapat mereka mencapai satu penghidupan yang lebih bertamaddun.

Menurut pendapatnya untuk menyelesaikan masa'alah ekonomi Orang2 Melayu terlebih dahulu di-siasat mengapa mereka itu miskin, bagi-nya ada tiga sebab:

- (1) Hasil usaha mereka sangat kecil.
- (2) Mereka tertindas.
- (3) Mereka terbiar.

Berdasarkan sebab2 itu-lah perlu di-adakan usaha2 untuk mengubah-nya sesuai dengan keadaan masharakat.

Apakah peranan belia dalam bidang ini, saya meninjau kata2 Ungku Aziz bahawa 'pemuda2 yang berasal dari kampung pun choba melupakan latar belakang mereka dan mengikut penghidupan masharakat yang berchorak kelas pertengahan manakala mereka mendapat pelajaran tinggi, seperti kata pepatah Melayu 'Kachang lupukan kulit. Mereka telah lupa segala hal kampung dan asheh de-

munafaat dan mudzarat itu, neschaya munafaat itu akan dapat di-atasi oleh mudzarat, atau dengan lain perkataan bahaya akan lebih banyak dari pada kebaikan tetapi apa yang patut di-amalkan ialah perchakapan yang mengandongi faedah dan kebaikan semata2 (ia-itu bahagian yang ke-empat). Itu-lah yang patut di-amalkan oleh orang2 Islam, kerana Rasulullah s.a.w. sangat banyak meninggalkan pesanan mengenai dengan kelebihan berdiam diri atau menu-

ngan hal ehwal ekonomi dan siasah nasional dan internasional sahaja

Satelah kita mengikuti pendapat Ungku Aziz mengenai dengan ekonomi masharakat Melayu di-Malaya dalam — tahun lima puluhan, semoga perkara ini akan menjadi chontoh kepada kita dan akan memberi kesedaran kepada belia2 yang ingin memainkan peranan-nya dalam masharakat di-bidang ekonomi.

Belia2 perlu, khas-nya mereka yang mendapat pelajaran tinggi memberikan perhatian yang berat kepada masharakat Melayu di-kampung2 dan di-pendalaman kerana masharakat di-sana boleh dikatakan terbiar atau kurang diberi perhatian, yang mana perkara sademikian mengakibatkan perpindahan belia2 dari desa ka-kota dan ini menimbulkan masa'alah2 yang lain di-kota2 pula.

Pergerakan persatuan2 belia sekarang ini khas-nya dalam bidang mendirikan kedai2 sharikat kerjasama ada-lah satu bukti bahawa belia2 sedang bangun dengan penuh kesedaran untuk memainkan peranan-nya dalam bidang ekonomi.

Mithal-nya, kawasan belakang pasar Bandar Brunei untuk penanam2 sayur menjual hasil mahsul mereka, susah mahu di-unjar muka peladang2 atau penanam2 sayur Melayu pundok2 berjual di-sana,

(LIHAT MUKA 6)

SA-bagaimana kita ketahui bahawa lidah ada-lah satu daripada nekmata2 yang besar yang mana penting pada manusia, kerana dengan lidah dapat menghuraikan maksud2 hati dan memahamkan kepada orang lain.

Menurut ahli Tasauf bahawa daripada lidah atau perchakapan sa-seorang itu dapat-lah di-bahagikan kepada empat bahagian:

Pertama — perchakapan yang mengandongi mudzarat semata2.

Kedua — perchakapan yang mengandongi mudzarat dan munafaat.

Ketiga — perchakapan yang tidak ada faedah-nya (perbualan yang kosong).

Ke-empat — perchakapan yang mengandongi faedah semata2.

Pada bahagian satu, dua dan tiga, sa-bagaimana menurut ahli Tasauf, maka hendak-lah di-tinogalkan, sekali pun di-antaranya ada munafaat, kerana perchakapan yang mengandongi

tup mulut pada perchakapan yang tidak berfaedah di-antara sabda yang bermaksud:

"Barang siapa perchaya kepada Allah dan hari kemudian, hendak-lah berchakap dengan baik atau berdiam".

Dan di-dalam hadits yang lain pula baginda bersabda:

"Tidak akan sesat sa-suatu kaum yang telah di-beri hidayat oleh Allah kepada-nya, kecuali orang yang suka bertengkar".

BERMEGAH

Saidina Omar ibni Khatab Radhiallah-hu'an pernah berkata, jangan-lah kamu pelajari suatu ilmu itu kerana tiga perkara dan jangan pula meninggalkan-nya kerana tiga perkara, ia-itu jangan kamu pelajari ilmu kerana untuk bertengkar, untuk bermegah2 atau untuk di-tunjok2kan dan jangan meninggalkan-nya kerana malu untuk mempelajari-nya, kerana

memadai dengan yang sedikit atau kerana redza berkeadaan jahil.

Daripada hadits2 dan perkataan Saidina Omar ibni Khatab r.n. dapat-lah kita fahamkan bahawa lidah itu adalah sangat besar pengaruh-nya, sama ada di-segi mata pangkat, lebih2 lagi perkara mudzarat. Oleh itu-lah Rasulullah s.a.w. mengingatkan kita orang2 Islam supaya diam atau menutup mulut atau dengan lain perkataan, umat Islam tidak sa-patut-nya suka berchakap kosong dan bertengkar pada perkara2 yang tidak mendatangkan faedah, sekali pun chara bergurau senda, kerana perkara yang seperti itu akan mendatangkan lebih banyak mudzarat daripada munafaat dan sesuai-lah buat pada masa ini, tiap2 orang Islam hendak-lah membanyakkan kerja dan amalan, bukan membanyakkan chakap dan perbualan. Moga2 kita umat Islam akan selamat dan bahagia di-dunia dan di-akhirat.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 2 Sept. 1970 hingga ka-hari Selasa 8 Sept. 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

<i>Hari</i>	<i>Matahari</i>						
<i>Bulan</i>	<i>Dzohor</i>	<i>Asar</i>	<i>Magrib</i>	<i>Isha</i>	<i>Imsak</i>	<i>Suboh</i>	<i>Terbit</i>
2 Sept.	12-24	3-41	6-30	7-42	4-41	4-56	6-13
3 Sept.	12-24	3-41	6-30	7-42	4-41	4-56	6-13
4 Sept.	12-24	3-41	6-30	7-42	4-41	4-56	6-13
5 Sept.	12-24	3-41	6-30	7-42	4-41	4-56	6-13
6 Sept.	12-23	3-39	6-28	7-40	4-40	4-55	6-12
7 Sept.	12-23	3-39	6-28	7-40	4-40	4-55	6-12
8 Sept.	12-23	3-39	6-28	7-40	4-40	4-55	6-12

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



2hb. September, 1970

PAMERAN PENERBITAN2

SA-BAGAI salah satu acara perayaan bagi mengulangi istiadat penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan yang telah di-umumkan baru2 ini ia-lah pameran penerbitan2 seperti buku2, majalah2 dan lain2 perchetakan dan tulisan2 yang berhubung dengan Brunei.

Sesuai dengan penukaran nama itu, maka yang menjadi tema utama dalam pameran itu ia-lah karya2 penulisan DYTM Paduka Seri Begawan Sultan dan segala penerbitan2 yang berhubung dengan DYTM itu, sama ada dalam masa DYTM itu masih menjadi Sultan atau pun sa-sudah turun dari takhta kerajaan hingga-lah sekarang ini.

Sa-bagaimana yang di-ketahui oleh seluruh rakyat negeri ini bahawa DYTM Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin ia-lah sa-orang seniman Diraja atau dengan kata2 yang lain satu2 - nya sasterawan Diraja Brunei yang mempunyai pandangan yang jauh terhadap negara dan rakyat untuk menjajakkan bimbingan2 bagi kesejahteraan dalam berbagai2 bidang, khasnya dalam soal peradaban manusia yang hidup beradat lembaga dan bernegara serta beragama. Ini telah ditunjukkan oleh DYTM itu dalam karya sha'er nasihat yang sa-bahagian besar dalam sha'er itu telah menyebutkan nasihat2 yang tinggi nilai-nya yang bagitu payah untuk di-lahirkan, kechuali dengan penyertaan perasaan seni yang tumbuh dalam jiwa penciptanya. Dengan perasaan seni itu tidak shak lagi telah mendorong bagi pengujudan negara Brunei yang kini di-kenal oleh negara2 luar sa-bagai negeri yang lebeh mengutamakan kepada gerakan2 kebajikan untuk rakyat-nya lebeh2 lagi rakyat yang kurang berdaya untuk benar2 mengechap nikmat2 hidup yang sa-benar2-nya. Dalam Rampaian Laila Sha'er DYTM itu banyak membawa perutusan2 untuk melaksanakan hasrat untuk kesejahteraan rakyat, kegembiraan negara dan kesucian agama. Tidak juga kurang penting-nya perutusan2 DYTM itu yang terchatet dalam sha'er2 seperti sha'er Asli Rajang Sari dan Sha'er Pertembagaan Negeri Brunei.

Mungkin banyak lagi karya2 DYTM itu yang masih belum di-ketahui umum dan dalam karya2 yang masih belum di-luahkan itu mungkin pula akan membawakan perutusan2 yang lebeh berat dan lebeh luas sa-bagai satu pandangan yang terbit dari pengalaman2 hidup yang sudah mengembara bagitu jauh dengan perjuangan2 yang gigih.

Dengan itu, maka usaha2 bagi memaparkan karya2 DYTM itu ada-lah merupakan satu peluang ke-emasan bagi rakyat negeri ini untuk mengetahui lebeh jauh lagi akan jiwa seni yang terpendam di-lubok jiwa penciptanya. Sumbangan yang baik dari pameran itu, terutama memaparkan karya2 orang2 Brunei dan penerbitan2 luar negeri tidak shak lagi akan dapat mendorong sasterawan2 muda tanah ayer untuk terus maju dengan tenaga2 yang gigih.

PERADUAN MENULIS

CHERPEN ANJORAN DBP

Soal: Apa-kah tujuan Dewan Bahasa dan Pustaka menganjorkan peraduan ini sa-lain dari tujuan yang di-sebutkan tadi?

Jawab: Saperti yang di-terangkan tadi, peraduan ini terbahagi kepada dua peringkat: pertama, peraduan menulis cherpen untuk bacaan

kanak2 dan kedua-nya, peraduan menulis cherpen untuk bacaan orang2 dewasa. Dan bahagian yang sa-rentak di-anjorkan DBP ini membawa dua tujuan yang berasingan.

Soal: Untuk lebeh mende-kati tujuan tersebut, dapat-kah di-terangkan tujuan utama menganjorkan Peraduan Menulis Cherpen untuk bacaan kanak2?

Jawab: Saperti yang tertera dalam Sharat dan Peratoran yang telah di-edarkan kepada penulis2 tempatan dan sekolah2 tanah ayer, antara lain tujuan menganjorkan Peraduan Menulis Cherpen untuk bacaan kanak2 itu ia-lah: (i) mengasoh kanak2 untuk mengenal identiti Brunei yang positif, (ii) memberi rangsangan alami ingin-tau kanak2 dan kegembiraan menchoba sendiri, dan (iii) mempertinggi morale, kekuatan semangat dan, peribadi, penyertaan kerja dan berdisiplin.

Soal: Bagaimana-kah pula tujuan Peraduan Menulis Cherpen untuk bacaan orang2 dewasa?

Jawab: Terdapat dua tujuan untuk bahagian ini: Pertama, mengenalkan identiti Brunei dari segi: (a) watak, (b) kehidupan, (c) pemikiran, dan (d) alam ka-keliling. Kedua, mengalakkan penulis2 tempatan untuk melihatkan/mengambarkan identiti Brunei yang positif.

Soal: Suatu hal yang menarek dalam kedua bahagian peraduan ini ada menekankan kalimat 'identiti Brunei'. Apa-kah pengertian yang di-pegang oleh DBP dengan kalimat 'identiti Brunei'?

Jawab: Kalimat ini sa-benar-nya begitu objektif dan mempunyai pengertian / tanggapan yang berbebe2 oleh sa-sorang antara kita. Apa yang dapat kami jadikan pegangan ketika merangka tujuan demikian ia-kah suatu identiti atau pengenalan samada dari bangsa kita sendiri atau bangsa asing terhadap diri kita, bangsa Brunei melalui karya itu. Dan di-samping itu kita hendak-lah mengingat yang antara lain fungsi dari penguatiran/pengenalan identiti Brunei dalam karya itu bertujuan untuk membekalkan diri kita — keyakinan dan kebanggaan diri

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, BRUNEI dalam usaha memupok bakat dan mengembangkan kesusasteraan tanah ayer menganjorkan Peraduan Menulis Cherpen untuk bacaan dua peringkat: pertama, untuk bacaan kanak2 dan kedua untuk bacaan orang2 dewasa. Berikut ia-lah soal jawab mengenai dengan peraduan tersebut:

sa-bagai satu bangsa: Bangsa Brunei. Identiti Brunei yang di-maksudkan itu ia-lah identiti Brunei yang positif, yang sa-lari dengan zaman dan kebangkitan sejarah. Dan saperti yang kami utarakan tadi, identiti Brunei itu dapat di-nilai/di-patok dari segi watak, kehidupan, pemikiran dan alam sa-keliling.

Soal: Apa-kah dorongan hingga pehak Dewan Bahasa dan Pustaka tertarek untuk menganjorkan peraduan sa-umpama ini?

Jawab: Biar kita berbichara dulu sa-kitar peraduan cherpen untuk bacaan kanak2. Dalam hal ini kita maseh kekurangan bahan2 yang sesuai untuk bacaan kanak2. Ini-lah barangkali yang menjadi pendorong kuat untuk menganjorkan peraduan sa-umpama ini. Bacaan yang sesuai bagi kanak2 di-artikan sesuai dari sudut isi bacaan yang di-perlukan oleh kanak2; juga harus sesuai dengan pertimbangan yang wajar, baik dari segi ilmu jiwa kanak2, kesanggupan bahasa kanak2 dan sa-terus-nya kesanggupan berfikir kanak2.

Soal: dan bagaimana dengan bahagian orang2 dewasa?

Jawab: Pandangan kami dalam hal ini sa-rupa sahaja, kita maseh kekurangan bahan2 bacaan yang bermutu tinggi; baik dari segi isi, tema, gaya-bahasa dan teknik penulisan. Dalam bahagian ini, salah satu yang meminta perhatian dari penulis2 tempatan ia-lah salah satu syarat yang berbunyi: kalau boleh chara membangun cherita hendak-lah mempunyai unsur 'intellect', anti-nya suatu chara membangun cherita yang tersendiri dari penulis2 sendiri.

Soal: Kerana bidang penulisan cherpen untuk bahan bacaan kanak2 ini maseh baru bagi kita, apa-kah pegangan yang di-tentukan untuk menulis sa-sabua cherpen?

Jawab: Untuk menulis cherpen untuk bacaan kanak2 ini tidak di-tentukan satu2 tajok tertentu. Dan sa-bagai panduan dari kami: TEMA yang kami kirakan dapat menarek hati kanak2 itu dapat di-chari sa-kitar cherita rekaan sains, disekitar penerokaan / pengembaraan, perasaan kaseh-sayang

dan bertimbang rasa antara sa-sama manusia dan hewan, chita2/dunia pelajaran, semangat gotong-royong dan kerelaan bekerja-sama di-kalangan kanak2, atau dari tema yang di-timba dari kegembiraan sejarah purba. Begitu juga hal-nya dengan bahagian peraduan menulis cherpen untuk bacaan orang2 dewasa, tidak terdapat satu2 tajok khusus yang kami tentukan.

Soal: Bagaimana-kah pula pang-pang sa-sabua cherpen untuk bacaan kanak2 itu?

Jawab: Untuk menyesuaikan dengan bahan bacaan kanak2, kami bataskan had panjang sa-sabua cherpen itu antara 1,000 — 1,500 perkataan. Bahasa yang di-gunakan pula hendak-lah di-sesuaikan dengan pertumbuhan watak dan perkembangan kanak2, pendek-nya pemilehan kata2, panjang ayat mesti-lah di-sesuaikan dengan kemampuan bahasa yang dapat di-fahami oleh kanak2. Untuk menulis cherpen untuk bacaan orang2 dewasa pula juga tidak ada batas jumlah-perkataan, chuma di-kehendaki yang sa-tiap karangan mesti-lah sa-sabua cherpen lengkap dan bukan sa-balek-nya saperti sa-buah choretan atau sketsh.

Soal: Bagaimana kah chara-nya untuk menyertai di-dua bahagian peraduan ini?

Jawab: Sa-belum mengarang atau menghantar karya untuk memisoki peraduan ini, kami ajak para penulis2 tempatan untuk membacah/meneliti dengan halus akan sharat dan peratoran yang telah kami edarkan kepada penulis2 tempatan. Sa-telah memahami akan saharat dan peratoran itu, bakal peserta di-kehendaki mengisikan borang khas yang di-sediakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei. Cherpen itu boleh-lah di-hantar kepada Setiausaha Peraduan yang di-alamatkan di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, sa-belum tarikh penutup ia-itu **3hb. Disember 1970**.

Soal: Apa-kah seruan akhir untuk di-sampaikan kepada penulis2 tempatan yang bakal menyertai peraduan ini.

Jawab: Kami penoh yakin, untuk menulis cherpen untuk bacaan yang sesuai untuk bacaan kanak2 ada-lah satu bidang yang maseh baru bagi penulis tempatan, dan ia tidak sa-mudah yang di-sangkan. Tetapi perchaya-lah dalam usaha kita menyediakan bahan2 bacaan yang berguna dan berfaedah berarti kita merangka dan menyediakan morale jenerasi kita di-masa hadapan.

Demikian juga hal-nya di-bidang penulisan cherita2 untuk orang2 dewasa. Di-samping usaha kita untuk memperbanyakan perbendaharaan kesusasteraan tanah ayer, kita hendak-lah juga berusaha meninggikan taraf dan mutu penulisan. Bekalan yang kita sediakan hari ini semoga menjadi buah yang masak ranum untuk hari esok. Ini-lah harapan kita semua.



Gambar atas menunjukkan ketika di-jalankan peraduan bahath perengkat sekolah rendah yang terdiri dari pasokan S.M. Amar Pahlawan, Berakas, sa-bagai penchadang (kiri) dan S. M. Ahmad Tajuddin, sa-bagai pembahath. Yang sedang memberi pendapat2-nya seperti kelihatan dalam gambar ini ia-lah wakil Amar Pahlawan yang telah berjaya menjadi johan dalam bahagian sekolah2 rendah.

Keputusan peraduan bahath sekolah2 seluruh negeri

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Menengah Melayu SMJA telah berjaya menjadi johan dalam peraduan bahath antara sekolah2 menengah di-seluruh negeri yang telah berlangsung di-Sekolah Melayu Puser Ulak pada hari Ahad lepas.

Dalam perlawanan akhir itu sekolah tersebut telah mengalahkan Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

Naib johan ia-lah Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin Kuala Belait.

Dalam bahagian perempuan pula, Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim telah menjadi johan sementara naib-johan di-menangi oleh Sekolah Menengah Melayu SMJA, Bandar Brunei.

Sekolah Melayu Sinaut telah berjaya menjadi johan dalam bahagian sekolah2 rendah sementara naib-johan di-menangi oleh Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas.

Bahagian perempuan, Sekolah Melayu Amar Pahlawan, Berakas telah menjadi johan dan naib-johan ia-lah Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

Peserta terbaik laki2 bahagian sekolah2 menengah telah di-menangi oleh Awang Yusof bin Metussin, peserta dari Sekolah Menengah Melayu SMJA, Bandar Brunei.

Dayang Zaliha binte Awang Damit, peserta dari Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong telah di-pilih sa-bagai peserta terbaik bagi perempuan.

Awang Sabtu bin Mohammad dari Sekolah Melayu Sinaut telah di-pilih sa-bagai peserta terbaik dalam bahagian sekolah2 rendah sementara Dayang Hasnah binte Awang Achee dari Sekolah Amar Pahlawan telah terpilih sa-bagai peserta perempuan yang terbaik.

Peraduan tersebut telah di-rasmikan oleh Awang Mohd. Ali bin Daud sementara hadiah2 telah disampaikan oleh Datin Masnah binte Haji Mohammad Yusof, isteri Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Momin.

Pembinaan jalan raya di-Temburong berjalan lancar

TEMBURONG. — Kerja2 pembinaan rangkaian jalan raya sa-panjang 40 batu di-Daerah Temburong berjalan lancar seperti yang di-ranchangkan.

Sa-orang juruchakap sharikat2 Scott, Wilson, Kirkpatrick dan rakan yang mengawasi kerja2 pembinaan-nya bagi pehak kerajaan berkata, kerja2 memberseh di-enam dari sebelas bahagian projek itu hampir2 siap.

Tapak jalan sa-jauh antara 4 dan 5 batu sudah pun di-kerja di-bahagian2 antara Bangar dan Batang Duri dan kerja2 meratakan sudah pun di-mulakan.

Juruchakap itu berkata, lapan dari tiga belas buah jambatan konkrit dan besi, sudah pun dapat di-gunakan.

Sementara itu batu2 kelikir yang di-jumpai di-Biang, di-gunakan bagi tapak jalan, setelah ia-nya di-berseh dan di-

hanchorkan kerana projek itu.

Juruchakap itu berkata, ke-lancharan perjalanan kerja2 projek itu dari satu masa kasatu masa telah tergendala oleh keadaan tanah yang kurang baik, Bagaimana pun kata-nya, kesulitan2 itu dapat diatasi.

Projek tersebut di-mulakan dalam bulan September tahun 1968, yang di-usahakan oleh Sharikat Gammon Asia Tenggara Berhad dengan menelan belanja \$20 juta.

Peraduan Quran

Daerah Temburong

TEMBURONG. — Daerah Temburong akan mengadakan pertandingan membacah Quran tahunan-nya bagi orang2 dewasa di-Masjid Utama Mohamed Salleh, di-Pekan Bangar pada 25 September.

Sa-buah jawatankuasa di-bawah pengerusi Kadhi Daerah Temburong telah di-tubuhkan untuk mengelolakan pertandingan itu.

Pertandingan itu di-bahagikan kepada enam bahagian — Bangar "A", Bangar "B", Bokok, Labu Estate, Pulau Berbunut dan Pulau Baru2.

Orang2 dewasa di-tiap2 bahagian yang ingin hendak mengambil bahagian dalam pertandingan itu ada-lah diminta berhubung dengan pengerusi bahagian masing2.

Pengerusi bagi Bangar "A" — Awang Nordin bin Choboi, Bangar "B" — O.K.S. Haji Abdul Rahim bin Akim, Bokok — Ketua Othman bin Nayan, Labu Estate — Pengiran Ahmad bin Pengiran Damit, Pulau Berbunut — Ketua Haji Damit bin Mat Rais dan Pulau Baru-Baru — Ketua Dollah bin Jambul.

Dua orang lelaki dan dua orang perempuan akan di-pilih untuk mewakili Daerah Temburong di-pertandingan akhir seluruh negeri yang akan di-adakan di-Bandar Brunei dalam bulan Oktober.



Tiga orang pemimpin pengakap yang mengetuai rombongan pengakap ka-jambori pengakap Malaysia yang kedua, sedang memberi tabek hormat kepada Yang Di-Pertua Persatuan Pengakap, Awang Mohammad Ali bin Daud sa-telah ketua rombongan, Awang Mohd. Said bin Ismail (di-tengah2) menyerahkan bendera Negeri Brunei kepada beliau.

Upacara penyerahan bendera tersebut telah di-adakan sa - jurus ketibaan pengakap2 itu dari Labuan pada hari Sabtu lepas.



Gambar atas menunjukkan pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei yang telah menjadi johan seluruh negeri dalam perlawanan tarek tali bergambar bersama2 dengan perisai dan piala2 kemenangan mereka.

Talentine Tiong Hwa

BANDAR BRUNEI. — Bahagian Tiong Hwa Radio Brunei akan mengadakan peraduan talentine tahun 70, yang meliputi lagu2 asli dan moden Tiong Hwa.

Hadiah2 tiket kapal terbang ulang alek ka-Singapura, sa-buah piala khas Radio Brunei dan lain2 hadiah yang menarik akan di-berikan kepada johan lagu2 moden bahagian lelaki dan perempuan dan johan lagu2 asli.

Naib-johan ketiga2 kumpulan itu juga akan di - hadiahkan tiket kapal terbang ulang alek ka-Kuching dan piala, sementara pemenang ketiga dari kumpulan2 itu juga akan di-hadiahkan dengan tiket kapal terbang ulang alek ka-Kota Kinabalu dan piala.

Pemenang nyanyian kumpulan dan ka-empat bahagian ketiga2 kumpulan itu juga akan di-hadiahkan dengan piala2.

Gerakkan menyuntik bagi mencegah penyakit taun

KUALA BELAIT. — Rombongan penyuntik Jabatan Perubatan dan Kesihatan Kuala Belait, sedang menjalankan gerakan menyuntik beramai2, bagi mencegah penyakit taun di-sekolah2 di-Kuala Belait dan Seria.

Bulan lalu, rombongan itu telah memberikan suntikan kepada penduduk2, termasuk kanak2 sekolah di-kawasan pendalaman Daerah Belait.

Sa-orang juruchakap jabatan itu berkata, hingga sekarang,

hampir2 seluruh penduduk di-daerah itu telah di-suntik. Bagaimana pun, juruchakap itu menyeru orang ramai supaya bersuntik, jika mereka, tidak menerima suntikan bagi mencegah taun enam bulan yang lalu.

Di-Daerah Brunei dan Muara, rombongan penyuntik pada masa ini, melawat jabatan2 kerajaan.

Terdahulu dari itu, rombongan tersebut, telah memberikan suntikan kepada penduduk2 di-Kampung Ayer.



Gambar atas menunjukkan Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Khan sedang menyampaikan piala rebutan hadiah dari Timbalan Pengarah Kerja Raya, Awang Haji Talib bin Derwish kepada ketua pasukan Belia Sumbiling, Awang Hussain.

Peranan belia dalam masharakat

(Dari Muka 3)

ini ada-lah satu chabaran kepada belia2 dalam persatuan peladang.

Belia2 yang mempunyai kechen-derongan dalam bidang ekonomi mustahak memerhatikan perhubungan hidup anggota masharakat dengan sistem ekonomi masharakatnya ia-itu sejauh manakah sistem ekonomi itu mempengaruhi hidup dan chara2 berfikir mereka. Hasil daripada pemerhatian tersebut dapat-lah di-jadikan bahawa untuk belia2 memainkan peranan-nya.

HASIL MINYAK

Di-Brunei kita bernasib baik, hasil minyak sungguh lumayan menjadikan negeri kita ma'mor, tetapi tenaga bekerja di-lombong tersebut terlalu kecil, sa-baleknya menghasilkan pendapatan negara yang terlalu besar. Ertinya banyak tenaga manusia di-Brunei ini yang tidak bekerja di-lombong tersebut tetapi hanya menghasilkan sedikit pendapatan negara. Keadan ini perlu-lah di-desari oleh belia2 khasnya belia2 yang maseh berada di-bangku2 sekolah supaya sa-tiap tenaga itu dapat memberikan hasil yang lumayan.

Tata Politik: Manusia berkehendakkan kepada keamanan dan keselamatan dalam hidup bermasharakat, maka timbul-lah peraturan2 pentadbiran, pengadilan dan sabagai-nya.

Peraturan2 untuk mengatur perhubungan satu sama lain di-antara anggota masharakat, khasnya bagi mencapai kerukunan hidup dan mencegah pencherobohan dan kedzaliman, atau sa-tiap anggota masharakat merasa perlu ada-nya golongan yang memerintah, dan adat chara pemerintahan itu dapat-lah di-anggap sa-bagai tata politik.

Saya tidak-lah bermaksud untuk berchakap lebeh panjang mengenai perkara ini, hanya saya ingin menyentoh bahawa negeri kita mempunyai Perlembagaan, dalam mukaddimah Perlembagaan itu ada bertulis sademikian bunyi-nya:

"Bahawa kami berhajat hendak memerintah menurut Perlembagaan dan menurut Undang2 dan juga hendak beransor2 mengadakan badan2 dan chara2 perwakilan dalam pemerintahan negeri."

Belia2 dapat memainkan peranan dalam tata politik ini umpamanya untuk menyahut sabda seruan Paduka Seri — Begawan Sultan yang berbunyi:

"Kerjasama itu termasuk-lah juga memberikan fikiran2 atau na-

sihat2 yang jujur jika di-dapati — usaha Kerajaan itu pada fikiran sa-saorang merugikan kebajikan raayat dan penduduk atau boleh mengurangkan kepercayaan raayat dan penduduk kepada Kerajaan. Maka Kerajaan Baginda Sultan — ada-lah bersedia menimbangkan fikiran2 yang sehat yang benar2 berkebaikan yang di-redzai oleh — Allah dan hendak-nya-lah di-salurkan menerusi saluran2 yang sehat (saluran laila kejujuran). — Sambutan penduduk dan raayat kepada usaha2 Kerajaan ada-lah mustahak kerana usaha2 itu di-buat ia-lah untuk kebajikan raayat dan penduduk serta laila isi di-dalam-nya (di-dalam Negeri Brunei).

Oleh itu belia2 sa-chara perseorangan dapat memainkan peranan-nya dalam bidang ini, walau bagaimana pun saya ingin mengingatkan persatuan2 belia berdasarkan Undang2 tubuh persatuan itu sendiri, maka jangan-lah persatuan2 belia melibatkan diri dalam bidang politik kerana bidang tersebut bukan lapangan mereka.

Tata Ugama: Manusia berkehendakkan kedamaian, keheningan, kejernihan, keyakinan dan ketenteraman bathin, perkara ini mendorong mereka menghari Tohan atau kuasa ghaib yang tinggi, yang maha berkuasa untuk memberi perlindungan dan rahmat kepada mereka.

PEMUJAJAN

Dengan demikian timbul-lah kepercayaan2 dan upacara2 penyembahan dan pemujaan yang tertentu. Di-samping itu Tohan mengutus rasul2 untuk memimpin manusia ka-jalan yang sa-benar bagi mencapai ketenteraman jiwa dan bagi mengetahui Tohan yang sa-benar-nya serta chara2 penyembahan dan pemujaan yang di-redzai-nya.

Negeri kita merasmikan Ugama Islam dan ada-lah menjadi hasrat dan chita2 Duli Yang Maha Mulia untuk menjadikan Islam itu suatu chara hidup yang lengkap dan sempurna di-negeri ini, maka peranan belia2 dalam bidang ini sangat-lah besar, khasnya bagi memperaktikkan hasrat dan chita2 Duli Yang Maha Mulia itu.

Belia2 yang berkhidmat: Di atas tadi telah di-terangkan peranan2 belia — dalam masharakat dalam berbagai segi, peranan itu sangat-lah berat dan tidak dapat di-pikul oleh sa-tiap belia dengan sempurna-nya.

Untuk mendapat hasil yang baik daripada peranan belia, ada-lah

mustahak belia2 itu sendiri di-bentok menurut yang samesti-nya supaya mereka berkebolehan dan berkelayakkan untuk memainkan peranan-nya dalam masharakat dengan sempurna.

PENTING

Untuk ini lima perkara ada-lah maha penting untuk belia2 itu mempunyai-nya:

- (1) Ilmu pengetahuan.
- (2) Budi pekerti.
- (3) Taat kepada Sultan dan Kerajaan serta berkhidmat kepada negara.
- (4) Beriman dan beramal menurut ajaran Ugama.
- (5) Pimpinan dan pengawasan yang sehat daripada Kerajaan dan masharakat.

Penutup: Demikian-lah yang dapat saya ucapkan mengenai dengan tajok 'Peranan Belia dalam masharakat', akhir-nya saya menegaskan bahawa ada-lah di-akuai bahawa belia2 mempunyai peranan dalam masharakat dan peranan mereka itu sangat-lah berat, peranan tersebut tidak akan dapat mereka sempurnakan kecuali mereka itu terlebih dahulu di-bentok di-pimpin menurut yang samesti-nya.

Bahan2 Pembacaan:

1. Perinsip Ilmu Masharakat — Yusof Zaki Ya'akub.
2. Renchana2 Ekonomi dan Kemiskinan — Ungku Aziz.
3. Perlembagaan Brunei.
4. Kamus Umum Bahasa Indonesia.
5. Pelita Brunei keluaran 20/5/70.
6. Prinsip 'am pendidekan — Musa bin Daia.

Perbarisan tamat latehan

BERAKAS. — Satu perbarisan tamat latehan bagi 27 orang anggota pulis telah diadakan di-Pusat Latehan Pulis di-Jalan Berakas pada minggu lalu.

Perbarisan itu telah di-pereksa oleh Superintendent E. Coupe sementara Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar Pengiran Haji Mohammad te-

Pasokan Belia Sumbiling dan pasokan Sungai Kedayan ada-lah johan bersama apabila mereka seri 1-1 dalam perlawanan akhir bola sepak yang telah berlangsung di-padang Jalan Penglima Kuala Belait pada minggu lepas.

Perlawanan yang di-anjarkan oleh Persatuan Belia Belait itu ada-lah sa-bahagian dari acara sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-24 bagi daerah itu.

Sa-banyak 13 buah pasokan telah mengambil bahagian dalam perlawanan yang di-jalankan sa-chara kalah mati itu.

Penyampaian sijil2

BANDAR BRUNEI. — Nadzir Pelajaran Dewasa Awang Abdul Hamid bin Othman berkata, beliau berpuas hati dengan kemajuan pelajar2 dewasa di-Kampung Burong Pinggai Ayer.

Awang Abdul Hamid berkata demikian di-majlis penyampaian sijil2 kepada 32 orang pelajar2 dewasa di-Kampung itu pada hari Ahad lepas.

Sa-ramai dua orang perempuan telah menerima sijil peringkat permulaan, 30 orang menerima sijil tertinggi termasuk dua orang lelaki.

lah menyampaikan sijil2 Perolongan Chemas kepada anggota2 pulis itu.

Kumpulan itu ada-lah yang ka-empat menjalani kursus ulang kaji selama dua bulan di-pusat latehan itu.

Satu kumpulan 30 orang yang lain akan tiba di-pusat itu pada 7 September bagi kursus yang sama.

Jawatan-Jawatan Kosong

Sa-bagai Pegawai

Pentadbir

Tingkat II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 Melayu yang di-lahirkan di-Brunei serta menjadi raayat D.Y.M.M. Sultan dan sekurang2-nya telah menjalani Tahun Pertama Kursus Ijazah atau yang bersamaan di-sa-sebuah Universiti yang di-akui untuk di-lantik sa-bagai Pegawai Pentadbir Tingkat II, Brunei.

Tingkatan Gaji:

Dalam sukatan gaji B.1 — \$630 x 30 — 990.

Sharat2 Lantikan:

Pemohon2 yang di-pileh akan di-lantik sa-chara perhubungan selama dua tahun. Sa-belum di-tetapkan dalam jawatan Pegawai B.A.S. Tingkat II, chalun2 yang berjaya akan di-kehendaki lulus peperiksaan yang tertentu dalam Undang2 dan Perintah 'Am

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2. Sampul surat yang mengandongi permohonan mesti-lah di-tandakan "Permohonan untuk B.A.S." di-atas sebelah kiri. Hanya salinan sijil2 dan surat2 akuan yang mesti di-sertakan

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 14 September, 1970.

Sa-bagai Penterjemah DBP

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan kosong sa-bagai Penterjemah di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan Sijil Persekolahan Seberang Laut dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu dan Inggeris atau kelayakan2 yang sa-banding dengan-nya.

b) Mempunyai pengalaman menterjemah sekurang2-nya selama tiga tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3 EB 4 — \$380 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perhubungan selama 6 bulan. Bagi chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang cikalantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 September, 1970.

Guru Ugama

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat atau yang berhak di-daftar sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan kosong sa-bagai Guru Ugama Askar Melayu Diraja Brunei. Hanya pemohon2 yang boleh memenohi sharat2 saperti berikut di-bawah ini sahaja di-kehendaki menghantar permohonan mereka:

(a) Berumur 20 hingga 35 tahun.

(b) Lulus Darjah VI Sekolah Ugama dan lulus Tingkatan 1 Sekolah Menengah Melayu atau pun Sekolah Menengah Inggeris.

(c) Mempunyai kelulusan kursus Perguruan Ugama Brunei dan telah berkhidmat sa-bagai guru ugama sekurang2-nya 5 tahun.

(d) Chalun2 yang berjaya dengan sendiri-nya akan terta'adik di-bawah kuasa Perintah Askar Melayu Diraja Brunei dan oleh yang demikian mereka di-kehendaki bersedia menerima segala arahan2 untuk bertugas di-dalam atau di-luar Perkhemahan Askar Melayu Diraja Brunei

Gaji

Dalam sukatan gaji D3 \$380 — 20 x 20 x 20 — 480.

Permohonan2 hendak-lah di-tujukan kepada Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei dengan melalui Penguasa Pelajaran Ugama Brunei dan hendak-lah sampai kepada Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei tidak lewat 14 September 1970.

Tukang Masak

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi jawatan2 Tukang Masak di-Jabatan Pelajaran, Brunei. (81 jawatan). Jawatan2 kosong itu ia-lah:—

1. Bandar Brunei

a) Maktab Perguruan, Jalan Gadong — 8 jawatan (4 laki2 dan 4 perempuan).

b) Sekolah Melayu Pusu Ulak — 8 jawatan (4 laki2 dan 4 perempuan).

c) Sekolah Menengah Melayu, Jalan Muara — 19 jawatan (10 laki2 dan 9 perempuan).

d) Sekolah Pertukangan Bangunan, Jalan Muara — 4 jawatan (laki2).

e) Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (S.T.P.R.I.) — 2 jawatan (perempuan).

2. Tutong.

a) Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim — 8 jawatan (4 laki2 dan 4 perempuan).

b) Sekolah Persediaan Inggeris — 8 jawatan (4 laki2 dan 4 perempuan).

3. Kuala Belait.

a) Sekolah Pertukangan Kejuruteraan — 4 Jawatan (laki2).

b) Sekolah Inggeris Perdana Wazir — 16 jawatan (8 laki2 dan 8 perempuan).

4. Bangar, Temburong.

Sekolah Melayu Sultan Hasan — 4 jawatan (perempuan).

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah orang Melayu, berumur di-antara 30 dan 45 tahun dan mempunyai pengalaman memasak di-Mess/Kantin atau di-restaurant.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F3 — \$200 x 5 — 220.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 September, 1970.

Sa-bagai Pegawai Kastam

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 Pegawai Kastam di-Jabatan Kastan dan Bea, Brunei.

Kelayakan2:

Lulus Tingkatan III Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai sijil menunjukkan salah satu mata-pelajaran-nya ia lulus dalam bahasa Melayu, atau sekurang2-nya boleh bertutor dalam bahasa Melayu dengan cekap.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB4 — \$210 x 10 — 270 x 15 — 315/

EXAM/330 x 15 — 360 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 September 1970.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



KERAJAAN TERUS MEMBANTU PENGIDAP2 BATOK KERING

BANDAR BRUNEI. — Pesuruhjaya Kebajikan, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa, Awang Salleh bin Haji Masri yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Bantuan Batok Kering telah menjelaskan bahawa kerajaan akan terus memberi bantuan kepada pesakit2 yang mengidap penyakit batok kering.

Beliau menjelaskan, bantuan2 yang di-berikan itu ada-lah di-timbangkan dengan teliti berdasarkan latar belakang kehidupan pesakit2 itu di-samping laporan2 lengkap di-terima dari doktor.

Pesuruhjaya Kebajikan itu menjelaskan demikian dalam cheramah beliau mengenai bantuan batok kering di-perjumpaan penghulu2 dan ketua2 kampung Daerah Brunei-Muara yang telah di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada minggu lalu.

Beliau sa-terus-nya menerangkan bahawa tujuan kerajaan memberi bantuan2 itu sa-lain dari menerima rawatan perubatan dengan perchuma ialah untuk meringankan bebanan pesakit yang berpendapatan kecil dan mempunyai tanggungan keluarga yang banyak.

Wang bantuan itu juga akan di-gunakan untuk memberi makanan yang mengandungi zat yang di-perlukan supaya keadaan pesakit itu lekas sembuh dan dapat meneruskan mata pencharian mereka seperti biasa.

Beliau dukachita tentang ada-nya sa-tengah2 pesakit yang di-benarkan keluar dari rumah sakit untuk berehat di-rumah mereka, tetapi menjalakan kerja2 berat yang bukan sa-mesti-nya di-buat oleh sa-orang sakit yang masih lagi dalam rawatan doktor.

Sebab itu-lah, kata-nya, pesakit2 itu lambat sembuh hingga memakan masa bertahun2 dan ada di-antara-nya menemui ajal di-sebabkan tidak mengindahkan nasihat2 doktor.

"Meskipun kita perchaya ajal bukan terletak di-tangan doktor, tetapi sa-bagai manusia kita harus berusaha seberapa boleh mengelakkan bahaya yang menimpa diri kita", tambah beliau.

Dalam cheramah beliau yang memakan masa lebih dari sa-tengah jam itu juga antara lain telah menerangkan mengenai syarat2 dan peringkat2 jenis bantuan yang di-berikan itu dan berapa lama bantuan itu di-berikan semata2 bergantung kepada keadaan pesakit dan laporan2 doktor.

Beliau akhir-nya menggesa penghulu2 dan ketua2 kampung supaya berhati2 apabila memberi sukongan kepada sa-tiap pesakit dari kampung mereka bagi mendapatkan bantuan itu.

Dua orang pegawai ka-perhimpunan ABU



Awang Salleh bin Abd. Kadir
BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai Penyiaran dan Penerangan Brunei akan ka-Turkey pada hari Juma'at 4 September untuk menghadiri perhimpunan Agong Persekutuan Penyiaran Asia — ABU yang ke-tujuh.

Mereka ia-lah Timbalan Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Awang Salleh bin Abd. Kadir dan Ketua Jurutera, Awang Norman Frigout.

Perhimpunan yang di-adakan di-Istambul itu akan membincangkan antara lain mengenai peranan penyiaran dalam pembangunan negara, perhubungan angkasa lepas dan laporan Sokan Olympik yang akan di-adakan di-Munich dalam tahun 1972.

Brunei yang menjadi ahli bersekutu itu ada-lah di-antara lebih dari 100 orang perwakilan dari 37 buah negara yang di-jadualkan menghadiri perhimpunan itu.

BINTANG RADIO

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Bintang Radio 1970 peringkat Daerah Brunei-Muara akan di-adakan di-Dewan Pusat Belia pada hari Sabtu 5 September.

Pertandingan itu ada-lah bagi memilih wakil Daerah Brunei Muara ka-pertandingan peringkat negeri yang akan di-adakan pada penghujung bulan ini.

Sa-ramai 18 orang peserta termasuk enam orang perempuan akan menyertai pertandingan tersebut.



Gambar atas menunjukkanapan orang guru yang telah berlepas ka-United Kingdom pada minggu lalu untuk menjalani kursus disana.

Dari kiri: Awang Abdi Manaf bin Abu Bakar, Awang Yahya bin Ahmad, Awang Taha bin Abu Rahman dan Awang Mohammad Taib bin Sulaiman telah mendapat biasiswa di-bawah ranchangan fa-tehan guru2 Commonwealth akan menjalani kursus pentadbiran pelajaran di-Universiti Birmingham Institute of Education.

Dayang Zainon binte Abdul Latif, Pengiran Tajuddin bin Pengiran Ahmad dan Awang Wong Siew Ming yang menerima biasiswa kerajaan juga akan menjalani kursus pentadbiran pelajaran di-universiti yang sama.

Sementara Awangku Ibrahim bin Pengiran Haji Abu Bakar yang juga menerima biasiswa kerajaan akan menjalani kursus seni lukis dan pertukangan tangan di-Maxa Seni Lukis Brighton.

Guru2 itu akan berada di-United Kingdom selama sa-tahun.

Tenis tiga wilayah: Brunei naib-johan

SERIA. — Sarawak telah berjaya mempertahankan kejohanan - nya sa-telah mengalahkan Brunei dengan empat perlawanan berbalas satu dalam perlawanan tenis antara tiga wilayah Borneo yang telah berlangsung di-Gelanggang Tenis Kelab Sheil pada minggu lalu.

Sarawak telah berjaya memenangi dua perlawanan perseorangan dan dua perlawanan bergu. Kemenangan tunggal bagi pasukan Brunei telah di-chapai oleh Awang Jimmy Lynn, johan perseorangan seluruh negeri, apabila beliau mengalahkan pemain Sarawak Kho Kui Leong dalam 'rubber set', 6-8, 6-2 dan 6-1.

Terdahulu dari itu pasukan Brunei telah mengalahkan pasukan Sabah dengan empat perlawanan berbalas satu untuk melayakkan diri-nya bagi menghadapi Sarawak (pemenang piala tersebut pada tahun lalu).

Perlawanan ini ada-lah kali keempat di-adakan bergilir2 di-antara tiga wilayah, Sarawak, Sabah dan Brunei untuk merebut "Piala San".

Perlawanan tersebut telah di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan dan beliau juga telah menyampaikan piala kepada ketua pasukan Sarawak, Awang Augustine Song.



Pesuruhjaya Kebajikan, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Salleh bin Haji Masri sedang menyampaikan sa-keping chek berharga \$5,000 kepada Yang Di-Pertua MBB, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohd. Zain.

Wang tersebut ada-lah bantuan tahunan dari Jabatan Kebajikan kepada M.B.B. untuk menolong membiayai projek2-nya.

Sedang memerhati di-tengah2 ia-lah Setia Usaha Agong MBB, Awang Yakub bin Ahabad.